



PRAKTIS

2

RAKAN DAN JIRAN







Baca dan fahami pesanan di bawah. Kemudian, nomborkan pada gambar yang betul.

SP I.I.2 (iii)

Ibu membeli sebuah buku resipi masakan India. Ibu membaca buku resipi itu. Di dalam buku resipi itu ada cara-cara membuat kuih wade. Selepas itu, ibu berpesan kepada Anisa tentang cara-cara membuat kuih wade.


Mula-mula, kita mesti sediakan bahan adunan. Kemudian, bentuk adunan itu menjadi bulat. Selepas itu, tekan adunan tersebut perlahan-lahan supaya menjadi leper. Akhir sekali, buat lubang di tengah-tengah adunan tersebut.




B**Baca dan fahami ayat. Kemudian, tulis ayat pada gambar yang betul.**


SP 2.I.2 (ii)

- Mereka ternampak seorang lelaki sedang memecahkan pintu rumah.
- Encik Chong dan Encik Sani membuat rondaan di kawasan perumahan.
- Encik Chong dan Encik Sani membantu Pak Cik Raju membuka pintu rumahnya.
- Rupa-rupanya, lelaki itu ialah Pak Cik Raju. Dia sedang membuka tombol pintu rumahnya yang rosak.

1

2

3

4



Fahami maklumat. Kemudian, tulis maklumat mengikut urutan yang betul.

SP 3.2.3

Pada hari Ahad yang lalu, keluarga Siti mengadakan majlis perkahwinan kakaknya. Pada hari itu, jiran-jiran datang untuk membantu. Ada yang memasak, ada yang menyediakan tempat duduk tetamu dan ada yang melayan tetamu.

Sebaik-baik sahaja pengantin lelaki tiba di rumah pengantin perempuan, paluan kompong kedengaran. Selepas itu, pasangan pengantin itu bersanding di atas pelamin. Mereka kelihatan sama cantik dan sama padan.

Suasana majlis perkahwinan itu sungguh meriah. Setelah majlis perkahwinan itu selesai, tetamu pulang ke rumah.

1 Jiran _____

2 Pengantin _____

3 Paluan _____

4 Pasangan _____

5 Majlis _____

6 Tetamu _____



Fahami perbualan di bawah. Kemudian, lakonkan.

SP 1.2.I

Samad dan Salina mencuci pinggan dan mangkuk di dapur. Ibu mereka, iaitu Puan Wati pergi ke pasar. Tidak lama kemudian, ibu mereka pun pulang.

The illustration shows a boy and a girl standing on the left, facing a woman on the right who is wearing a headscarf. The boy is gesturing with his hands while speaking. The woman is also gesturing with her hands while speaking. There are six speech bubbles containing dialogue:

- Eh, ibu sudah pulang!
- Kami mencuci pinggan dan mangkuk.
- Terima kasih, ibu.
- Baiklah, ibu. Kami akan ingat pesan ibu.
- Kamu berdua sedang buat apa?
- Wah, anak-anak ibu memang ringan tulang!
- Inilah yang buatkan ibu berasa besar hati. Sebagai adik-beradik, kamu mestilah sentiasa berbaik, jangan pula seperti anjing dengan kucing.



Nyatakan maksud peribahasa di bawah dengan bimbingan guru kamu.

- 1 Ringan tulang – _____
- 2 Bagai aur dengan tebing – _____
- 3 Besar hati – _____
- 4 Seperti anjing dengan kucing – _____

Kata Ganti Nama



Lengkapkan ayat dengan kata ganti nama diri yang betul.

SP 5.I.I (iii)

- 1 Fendi baik hati. _____ disukai oleh kawan-kawannya.
(Saya, Dia)
- 2 _____ ialah guru kesayangan murid Tahun Dua Biru.
(Beliau, Kita)
- 3 “_____ sedang menunggu Kavita,” kata Anis dan Jenny.
(Kami, Beliau)
- 4 Azizi dan Anand berkawan baik. _____ belajar dalam
Tahun Dua Merah. (Awak, Mereka)
- 5 “Tahniah, _____ terpilih untuk menyertai pertandingan
cerita!” kata Cikgu Salina kepada Luan Lee. (kamu, saya)



Isi tempat kosong dengan kata ganti nama diri yang betul.

Keluarga Guan Soon mengadakan jamuan rumah terbuka sempena perayaan Tahun Baharu Cina. _____ (Kamu, Mereka) mengundang saudara-mara dan jiran datang ke rumah.

Navin dan keluarganya datang ke rumah Guan Soon. Navin memakai pakaian yang kemas. _____ (Kami, Dia) memakai baju kemeja dan seluar panjang. Ayah Guan Soon menyambut Navin dan keluarganya dengan tangan terbuka. _____ (Awak, Dia) menjemput Navin dan keluarganya menikmati pelbagai juadah. Juadah itu dihidangkan oleh ibu Guan Soon. _____ (Kami, Mereka) berbual-bual sambil makan dengan gembiranya.

Sebelum pulang, _____ (mereka, awak) bergambar sebagai kenang-kenangan.

Penjodoh Bilangan



Tulis penjodoh bilangan yang sesuai pada gambar.

SP 5.I.I (iv)

gugus

biji


batang

buah

ekor

helai

1




Se _____ kucing

4




Se _____ ambulans

2




Se _____ tuala

5



Se _____ rambai

3



Se _____ seruling

6



Se _____ tomato